

Permainan nyanyian jalin ikatan

Kampus



Oleh MOHD. SHAZWAN YUSOP

SERAMAI 17 pelajar Jabatan Fizik, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Kelab Mahasiswa Fizik telah mengadakan program *I Can See Your Wave* (ICSYW) 3.0.

Program yang diadakan secara dalam talian itu memasuki penganjuran kali ketiga melibatkan pelajar dan pensyarah pusat pengajian tinggi itu.

Menariknya, program adaptasi daripada rancangan realiti televisyen popular tempatan itu dikelola sepenuhnya oleh pelajar tahun pertama universiti berkenaan.

Pengarah program ICSYW 3.0, Muhammad Syafi Haziq Mohd. Fauzi berkata, program itu bertujuan memberi peluang kepada pelajar tahun pertama menguruskan aktiviti di UPM.

Jelasnya, ia diharap dapat membantu mengeratkan lagi hubungan antara para pelajar meskipun terpaksa mengikuti kuliah secara online.

"Kami amat teruja dengan sambutan yang diberikan oleh warga UPM terhadap program ini meskipun telah memasuki penganjuran kali ketiga.

"Sepanjang program yang diadakan secara langsung menerusi platform Facebook, kami berjaya mencatatkan sebanyak 2,100 tontonan," katanya ketika ditemu bual baru-baru ini.

ICSYW 3.0 diadaptasi daripada program realiti televisyen popular di negara ini, *I Can See Your Voice*.

Idea asal program berkenaan diperoleh daripada rancangan realiti popular dari Korea Selatan.

Format pertandingan tersebut cukup mudah iaitu seorang penyanyi jemputan perlu meneka beberapa penyanyi misteri sama ada mereka artis sebenar atau tidak.

Menariknya, setiap penyanyi misteri akan berselindung di sebalik beberapa identiti bagi mengelirukan peserta sewaktu proses penyingkiran dilakukan.

Muhammad Syafi Haziq menambah, meskipun pembelajaran dilakukan secara online, namun para pelajar tahun pertama masin boleh mengenali antara

Harmoni | E-GenPhys 20/24 | #fizikkitapunya

PARA peserta program ICSYW 3.0 perlu membuat pilihan sama ada calon yang diketengahkan adalah penyanyi atau seorang penyamar.

PROGRAM ICSYW 3.0 diadakan secara dalam talian ekoran pandemik Covid 19 melanda negara ini.

satu sama lain.

"Situasi pandemik Covid-19 yang melanda dunia ketika ini bukan penghalang untuk tidak melakukan sebarang aktiviti.

"ICSYW 3.0 terbukti mampu

mengeratkan hubungan antara kami," katanya.

Dalam pada itu, Penasihat ICSYW 3.0, Prof. Madya Dr. Yap Wing Fen memaklumkan, perbincangan serta persediaan program berkenaan dilaksanakan sepenuhnya secara online tanpa perjumpaan bersemuka.

Tegasnya, pihaknya telah bersetuju menjemput dua pensyarah Fakulti Sains, Dr. Mohamed Ibrahim Mohamed Tahir dan Dr. Norhazlin Zainuddin sebagai ahli panel.

"Pelajar tahun kedua, Nur Fadhlil Wafi Nor Alihan telah diundang sebagai penyanyi jemputan bagi memeriahkan lagi program ICSYW 3.0.

"Program itu dikendalikan dua pengacara iaitu pelajar, Rusdyana Natasa Ghazali dan Natasya Syamsol serta enam pelajar tahun pertama Jabatan Fizik sebagai penyanyi misteri," katanya.

Penyanyi misteri yang terlibat termasuklah Nurul Syahirah Shahrol



Sepanjang program berlangsung secara langsung menerusi platform Facebook, kami berjaya mencatatkan sebanyak 2,100 tontonan."

Nizam, Nur Atiqah Azmiera Azmi, Muhammad Nazirul Mubin Bakhtiar Tuah dan Muhammad Syafi, Muhammad Safuan Zamir dan Mohamad Farid Rozali.

Persembahan menarik para penyanyi misteri berjaya mencuit hati penonton secara langsung menerusi komen-komen yang ditinggalkan di laman Facebook.

Penonton dan kedua-dua ahli panel memberikan bantuan dan pendapat kepada penyanyi jemputan.

Ini bagi menyingkirkan beberapa penyanyi misteri yang disyaki bukan penyanyi sebenar.

Selepas proses penyingkiran dilakukan, penyanyi jemputan telah memilih Nur Atiqah Azmiera sebagai pasangan duet pada pusingan terakhir bagi penentuan juara.

Sementara itu, seorang penyanyi misteri, Nur Atiqah Azmiera memaklumkan, dia sama sekali tidak menyangka program seperti itu dapat dilaksanakan ketika pandemik Covid-19.

Katanya, meskipun program berkenaan terpaksa dilaksanakan secara online sahaja, namun kemeriahan dan keseronokannya tetap dapat dirasai.

"Saya amat bertuah kerana terlibat dalam program ini. Saya berharap dapat terus menyerlahkan bakat nyanyian saya pada masa akan datang dan dapat mewakili UPM," katanya.



UPM sentiasa menjadi pilihan pelajar di negara ini untuk melanjutkan pengajian terutamanya dalam bidang pertanian.